



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

20 NOVEMBER 2025 (KHAMIS)

ACCAHZ Perkukuh Kerjasama ASEAN Tangani Penyakit Haiwan Dan Zoonosis

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	19 Nov



Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Isham Ishak menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Pusat Penyelaras ASEAN bagi Kesihatan Haiwan dan Zoonosis (ACCAHZ) di Makmal Kesihatan Awam Veterinar hari ini.

SEPANG, 19 Nov (Bernama) -- Pusat Penyelaras ASEAN bagi Kesihatan Haiwan dan Zoonosis (ACCAHZ), yang dilancarkan hari ini, menandakan satu detik bersejarah dalam usaha serantau memperkukuh kawalan penyakit haiwan dan zoonosis, sekali gus mengukuhkan peranan Malaysia sebagai negara tuan rumah kepada pusat koordinasi yang diwartakan sebagai Organisasi Antarabangsa (ASEAN) ke-14 itu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Datuk Seri Isham Ishak berkata inisiatif penubuhan ACCAHZ bermula pada 2007, sebelum menerima pengesahan rasmi semua negara anggota ASEAN pada 2016 dan selepas 18 tahun, pusat itu kini beroperasi di Salak Tinggi dengan sokongan kerajaan Malaysia melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS).

“ACCAHZ merupakan satu entiti perundangan, mempunyai kuasa perundangan untuk menyelaraskan tindakan negara anggota ASEAN dalam pemantauan, pencegahan dan kawalan penyakit haiwan, termasuk zoonosis, penyakit yang boleh merebak daripada haiwan kepada manusia, dan menjadi ancaman besar kepada kesihatan awam serta ekonomi negara.

“Bila ada entiti perundangan, ACCAHZ berkeupayaan memperkukuh kerjasama dengan badan antarabangsa seperti Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia (WOAH), Pertubuhan Makanan dan Pertanian Bangsa-Bangsa Bersatu (FAO) serta agensi global lain, dalam melaksanakan inisiatif kawalan penyakit,” katanya pada sidang media selepas majlis pelancaran ACCAHZ, di sini hari ini.

Turut hadir Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia Datuk Dr Mohd Noor Hisham Mohd Haron dan Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber Utama dan Pelancongan Brunei Dr Diana Dennis, selaku Pengerusi Lembaga Pengelola ACCAHZ.

Isham berkata keahlian ACCAHZ turut akan dipanjangkan kepada Timor-Leste, susulan penerimaannya sebagai anggota ASEAN pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 di Kuala Lumpur baru-baru ini, bagi memastikan komitmen dan kerjasama serantau dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Sementara itu, Mohd Noor Hisham berkata penubuhan ACCAHZ memberikan manfaat dan impak yang sangat besar, kerana ia menggalakkan kerjasama serantau dengan pelbagai pertubuhan antarabangsa dalam membangunkan kerangka kawalan penyakit haiwan dan zoonosis, serta pembangunan kapasiti merangkumi program pemindahan pengetahuan, perkongsian kepakaran dan teknologi.

“Peranan ACCAHZ amat penting dalam menyelaraskan aktiviti bagi memastikan kawalan, pencegahan dan pembasmian penyakit haiwan, terutamanya penyakit hawian rentas sempadan dan zoonosis di semua negara ASEAN.

“Selain itu, melalui hubungan ACCAHZ bersama rakan dialog strategik yang lain, dilihat mampu mewujudkan banyak sokongan dari segi

teknikal, sumber serta dana dalam membantu negaranegara ASEAN yang terlibat, antaranya kesiapsiagaan ketika menghadapi wabak penyakit dan menghubungkan negara terlibat pakar penyakit haiwan dari seluruh negara,” katanya.

ACCAHZ, kini dianggotai 10 negara ASEAN yang telah menyempurnakan Perjanjian Penubuhan ACCAHZ 2016, iaitu Malaysia, Brunei, Kemboja, Indonesia, Laos, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Mohd Noor Hisham berkata DVS berada dalam keadaan siap siaga menghadapi musim banjir, dengan memastikan dua keutamaan utama dilaksanakan, iaitu membantu pemindahan haiwan ternakan ke kawasan selamat, serta membekalkan makanan ternakan seperti rumput kering dan dedak untuk disalurkan kepada penternak yang terjejas.

“Kita bantu penternak yang tidak mempunyai akses kepada makanan untuk diberikan kepada haiwan mereka. Bantuan ini diselaras pada peringkat negeri dan daerah, bagi memastikan iasampai segera kepada penternak terlibat.

“Pada peringkat pusat, kita ada jawatankuasa bencana,

yang kalau berlakunya kerosakan dan sebagainya kita ada elemen bantuan untuk disalurkan kepada penternak yang terjejas,” katanya.-BERNAMA

ACCAHZ pusat penyelarasan baharu kawal penyakit haiwan ASEAN			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	19 Nov



*ISHAM menyampaikan ucapan pada Majlis Perasmian Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Kesihatan Haiwan dan Zoonosis (ACCAHZ) di Makmal Kesihatan Awam Veterinar hari ini.
FOTO BERNAMA*

Sepang: ASEAN Coordinating Centre for Animal Health and Zoonoses (ACCAHZ) memainkan peranan penting menyelaraskan aktiviti bagi memastikan kawalan, pencegahan dan pembasmian penyakit haiwan terutamanya penyakit haiwan rentas sempadan dan zoonosis di semua negara-negara rantau ini.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan,

Datuk Seri Isham Ishak berkata, ACCAHZ yang berfungsi sebagai pusat penyelarasan ASEAN dapat memberikan manfaat dan impak yang sangat besar dalam menggalakkan kerjasama serantau dengan pelbagai pertubuhan antarabangsa.

Katanya, kerjasama ini termasuk membangunkan kerangka kawalan penyakit haiwan dan zoonosis serta pembangunan kapasiti merangkumi program

pemindahan pengetahuan, perkongsian kepakaran dan teknologi.

"ACCAHZ bukan sekadar jawatankuasa lain, ia adalah komitmen undang-undang yang mendalam oleh rantau kita.

"Ia adalah Pusat ASEAN termuda dan satu-satunya Pusat ASEAN yang berkaitan dengan sektor haiwan yang merupakan entiti undang-undang. Status ini adalah kritikal, kerana ia memberikan ACCAHZ tadbir urus dan kapasiti yang diperlukan untuk terbabit dalam advokasi dan penyelarasan di peringkat antarabangsa.

"Mandat itu jelas untuk menyelaraskan semua aktiviti kesihatan haiwan, khususnya menangani Penyakit Haiwan Rentas Sempadan (TAD) dan zoonosis, untuk seluruh rantau ASEAN," katanya dalam Majlis Perasmian ACCAHZ di sini, hari ini.

Hadir sama, Pemangku Timbalan Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Kementerian Sumber Utama dan Pelancongan Brunei, Dr Diana Dennis dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr Mohd Noor Hisham Mohd Haron.

Menurutnya, kepentingan Pusat ACCAHZ ini tidak boleh dipertikaikan, terutamanya melalui lensa Kemampanan dan Keselamatan Makanan.

"Dengan menyelaraskan strategi serantau terhadap penyakit yang memusnahkan, ACCAHZ secara langsung melindungi industri ternakan domestik kita dan memastikan pengeluaran makanan yang stabil.

"Pada masa sama, kita melindungi mata pencarian dan daya tahan ekonomi kita. Pendekatan proaktif ini amat diperlukan untuk mencapai pertumbuhan yang berdaya tahan dan memenuhi Wawasan Komuniti ASEAN 2045," katanya.

Beliau berkata, peranan sebagai negara tuan rumah pertama dengan menyediakan Pejabat ACCAHZ di Salak Tinggi, adalah bukti dedikasi Kementerian Pertanian dan Keselamatan Makanan dan khususnya, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) Malaysia.

"Pejabat ACCAHZ yang beroperasi secara rasmi sejak Disember 2024, adalah lambang perpaduan dan tujuan kolektif ASEAN," katanya.

Perjanjian Penubuhan

ACCAHZ ditandatangani bersama 10 Menteri Pertanian dan Perhutanan ASEAN (AMAF) pada 7 Oktober 2016 di mana antara perkara yang dipersetujui di dalam perjanjian itu adalah Malaysia akan menjadi negara tuan rumah secara penggiliran yang pertama selama empat tahun, diikuti negara Thailand, dan seterusnya ke negara anggota serantau ASEAN, bergantung kepada Cadangan yang dikemukakan oleh ahli Governing Board ACCAHZ kepada Menteri-Menteri AMAF untuk kelulusan.

Pada 13 Disember tahun lalu, Perjanjian Negara Tuan Rumah oleh Malaysia yang ditandatangani antara Kerajaan Malaysia yang diwakili Datuk Seri Mohamad Sabu dan disempurnakan oleh ACCAHZ yang diwakili oleh Pengerusi Semasa Governing Board ACCAHZ iaitu Brunei sebelum ACCAHZ diwartakan secara rasminya sebagai International Organ (ASEAN) ke-14 pada 3 November lalu.-[MYMETRO](#)

ASEAN Launches Animal Disease Control Centre in Malaysia

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
The Sun	People & Issues	Dalam Talian	19 Nov



BERNAMApix

New ASEAN animal health centre in Malaysia will coordinate regional disease control and zoonoses prevention with international partners

SEPANG: The ASEAN Coordinating Centre for Animal Health and Zoonoses (ACCAHZ) launched today marks a historic step in strengthening regional animal disease control.

The centre will coordinate ASEAN member states' actions in monitoring, preventing and controlling animal diseases including

zoonoses.

Ministry of Agriculture and Food Security secretary-general Datuk Seri Isham Ishak said the initiative began in 2007 and received formal approval from all ASEAN members in 2016.

"ACCAHZ is a legal entity with the mandate to coordinate ASEAN member states' actions in monitoring, preventing and controlling animal diseases," he told a press conference after the launch.

The centre is now fully operational in Salak Tinggi with support from the Malaysian government through the Department of Veterinary Services.

As a legal entity, ACCAHZ can strengthen cooperation with international bodies like the World Organisation for Animal Health and the Food and Agriculture Organisation.

Veterinary Services director-general Datuk Dr Mohd Noor Hisham Mohd Haron said ACCAHZ brings significant benefits through regional collaboration.

“ACCAHZ plays a vital role in coordinating activities to ensure effective control, prevention and eradication of animal diseases,” he said.

The centre’s links with strategic dialogue partners can generate technical support, resources and funding for ASEAN countries.

ACCAHZ currently comprises 10 ASEAN member states that have ratified the 2016 Establishment Agreement.

Membership will be extended to Timor-Leste following its admission to ASEAN at the recent 47th ASEAN Summit.

On monsoon preparedness, Mohd Noor Hisham said the DVS is prioritising livestock

relocation and feed supply to affected farmers.

“We assist farmers who have limited access to feed for their livestock,” he said.

Support is coordinated at state and district levels to ensure it reaches farmers promptly. – [THESUN](#)

Melaka Tropical Fruit Farm 'Hidup Semula' Tahun Depan

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Melaka Hari Ini	Berita	Dalam Talian	19 Nov



MELAKA Tropical Fruit Farm di Sungai Udang.

BUKIT KATIL 19 November – Melaka Tropical Fruit Farm di Sungai Udang akan kembali beroperasi pada pertengahan tahun depan selepas kerja naik tarafnya selesai dilakukan, kata Exco Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan negeri Datuk Dr. Muhamad Akmal Saleh.

Menurut beliau, apabila dibuka semula kelak, produk berasaskan agropelancongan itu bakal berwajah baharu dengan dilengkapi kemudahan chalet dan inap desa, Caravan Park serta

pelbagai tanaman buah-buahan.

Selain itu, jelas beliau, tarikan mini zoo di kawasan itu juga akan dihidupkan semula dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Melaka bagi menambah lagi tarikan yang ada untuk menggamit kehadiran pengunjung dan pelancong.

“Apabila beroperasi semula, kita mahu orang ramai datang dan melihat serta merasai sendiri pelbagai produk pertanian yang ada di

sini seperti rock melon, tembikai dan nanas, selain kita juga ada tanaman padi di situ.

“Pada masa sama, pembukaan semula mini zoo di sini juga membolehkan orang ramai datang bersama keluarga untuk memberi makanan pelbagai haiwan seperti ayam, kambing, ikan dan lain-lain lagi.

“Insya-Allah dengan kolaborasi pelbagai jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), produk agropelancongan ini akan kembali dibuka pada pertengahan tahun depan,” katanya pada Majlis Perasmian Program Pemindahan Teknologi dan Pengurusan Tanaman Nanas Negeri Melaka 2025 di Bayou Lagoon Park Resort, di sini, baru-baru ini.

Menurut Dr. Muhamad Akmal, projek naik taraf Melaka Tropical Fruit Farm itu menelan kos hampir RM3 juta.

Jelas beliau, selain Sungai Udang, satu lagi produk agropelancongan akan dibangunkan di Sungai Rambai iaitu berkonsepkan ladang rusa.

“Di ladang rusa Sungai Rambai ini juga orang ramai boleh melihat dan

mempelajari proses ternakan rusa, di samping boleh merasai keenakan daging rusa.

“Projek ini juga dijangka akan bermula tahun depan dan ketika ini kerja naik taraf sedang dijalankan,” katanya.-
[MELAKAHARIINI](#)

KPKM Akan Laksana Penternakan Babi Secara Tertutup, Berteknologi Tinggi			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BH Online	Nasional	Dalam Talian	19 Nov



Foto hiasan

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) akan melaksanakan penternakan babi secara tertutup dan berteknologi tinggi bagi meningkatkan kadar sara diri (SSR) daging itu kepada 90 peratus menjelang 2030.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata penternakan secara tertutup dan berteknologi tinggi juga akan membantu memastikan kelangsungan operasi penternakan babi

tempatan.

"Kementerian Kewangan (MOF) turut memperluaskan skop insentif galakan cukai automasi sektor pertanian meliputi manfaat Elaun Modal Dipercepat (ACA) dan pengecualian cukai pendapatan kepada ternakan babi.

"Ia sebagai galakan untuk mentransformasi ladang terbuka kepada ladang tertutup mulai 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2027," katanya ketika Sesi Jawab Lisan di Dewan Rakyat, di

sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-RASAH) mengenai perancangan untuk melaksanakan penternakan babi secara tertutup dan berteknologi tinggi memandangkan SSR semakin berkurangan.

Mohamad berkata, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) secara berterusan menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada penternak babi membabitkan aspek pengurusan ladang, pematuhan kepada piawaian kesihatan haiwan serta amalan biosekuriti yang berkesan.

Katanya, usaha itu bertujuan untuk menyokong peralihan ke arah sistem penternakan yang lebih moden, mampan dan berisiko rendah terhadap jangkitan penyakit.

"Perkhidmatan ini juga memainkan peranan penting dalam memperkasakan keupayaan penternak dalam menghadapi cabaran industri," katanya.

Mohamad turut menekankan KPKM sentiasa menggalakkan serta menyokong pelaksanaan aktiviti penternakan babi secara ladang tertutup melalui konsep Modern Pig

Farming (MPF) dan Pig Farming Area (PFA).

"Sebagai contoh, di Simunjan, Sarawak terdapat sebuah kawasan PFA yang menjadi model kepada penternakan moden bersepadu.

"Di Tongod, Sabah pula, sebuah lagi PFA sedang dalam proses pelaksanaan. Usaha ini menunjukkan komitmen berterusan KPKM dalam memperkukuh industri ternakan babi ke arah yang lebih mampan, berdaya saing dan selamat untuk alam sekitar," katanya.

[BHONLINE](#)

Penternak Khinzir dibantu Beralih Kepada Sistem Lebih Moden

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Gazette	Nasional	Dalam Talian	19 Nov



Datuk Seri Mohamad Sabu.

KUALA LUMPUR – Kerajaan sedang menggalakkan sistem ladang tertutup berteknologi tinggi bagi memastikan kadar sara diri dan keselamatan makanan di negara ini terus terjamin.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, antara inisiatif yang diambil dengan memperluaskan galakan cukai sehingga 31 Disember 2027 untuk membantu penternak beralih kepada sistem yang lebih moden.

“Jabatan Perkhidmatan Veterinar pula sentiasa memberi bimbingan teknikal dan memastikan amalan biosekuriti dipatuhi.

“Model ternakan moden seperti Modern Pig Farming (MPF) dan Pig Farming Area (PFA) di Simunjan, Sarawak dan Tongod, Sabah menjadi contoh bagaimana industri ini boleh ditransformasi dengan lebih bersih, mampan dan selamat,” katanya di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Wan

Razali Wan Nor (PN-Kuantan) mengenai perancangan kementerian ke atas penternakan khinzir secara tertutup dan moden.

Mengenai isu jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Tanjung Piai, Johor, Mohamad menjelaskan, terdapat tiga jeti yang digunakan oleh 118 orang nelayan, semuanya diurus secara telus oleh Persatuan Nelayan Kawasan.

“Siapa pun nelayan, boleh menggunakan kemudahan ini, tiada halangan, tiada amalan menekan pihak kecil. “LKIM bersama Persatuan Nelayan Kebangsaan dan pihak berkuasa tempatan sentiasa pantau supaya tidak ada cubaan memonopoli atau mengenakan caj sesuka hati. “Jeti ini milik komuniti nelayan, bukan milik mana-mana kelompok tertentu,” katanya. – [MALAYSIAGAZETTE](#)

LKIM Tidak Benarkan Mana-Mana Pihak Monopoli Jeti – Mohamad Sabu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Berita	Dalam Talian	19 Nov



Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu ketika sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga, Majlis Parlimen ke-15 Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen hari ini

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) tidak membenarkan mana-mana pihak memonopoli atau menguasai kemudahan jeti pendaratan ikan, bagi memastikan akses saksama kepada semua nelayan termasuk nelayan kecil.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu berkata pemantauan terhadap penggunaan jeti

dilakukan secara berterusan melalui kerjasama LKIM negeri, persatuan nelayan kawasan dan pihak berkuasa tempatan bagi mengesan dan mengambil tindakan terhadap sebarang aduan, termasuk melibatkan bot swasta atau pencerobohan yang menekan pengusaha kecil.

“Buat masa ini, mekanisme pemantauan sedia ada dilihat sebagai langkah yang praktikal dan cepat untuk dilaksanakan. LKIM tidak

membenarkan mana-mana pihak untuk memonopoli sebarang kemudahan jeti pendaratan seperti memberi sewa kepada pihak swasta dan sebagainya,” katanya pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr Wee Jeck Seng (BN-Tanjong Piai) berhubung langkah kementerian bagi memastikan jeti LKIM diurus tadbir secara telus dan inklusif, supaya ia tidak dimonopoli pihak tertentu dan terus dapat dimanfaatkan secara adil oleh nelayan kecil serta perusahaan tempatan.

Mohamad berkata LKIM mengurus 48 kompleks dan pelabuhan perikanan di seluruh negara termasuk empat di Johor, selain 505 jeti pendaratan ikan tradisional yang dikendalikan persatuan nelayan atau jawatankuasa pangkalan.

Dalam perkembangan lain, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) merancang memperluas pelaksanaan penternakan khinzir secara tertutup dan berteknologi tinggi sebagai langkah meningkatkan kadar sara diri (SSR) daging khinzir kepada 90 peratus menjelang 2030.

Mohamad berkata usaha itu dilaksanakan melalui

pelbagai inisiatif yang disokong Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) termasuk bantuan teknikal dan transformasi struktur penternakan.

Beliau berkata DVS juga menyediakan khidmat nasihat teknikal secara berterusan meliputi pengurusan ladang, pematuhan piawaian kesihatan haiwan dan amalan biosekuriti bagi memastikan sistem penternakan lebih moden dan berisiko rendah terhadap jangkitan penyakit.

Selain itu, Mohamad berkata Kementerian Kewangan turut memperluas skop insentif galakan cukai automasi sektor pertanian termasuk Elaun Modal Dipercepat (ACA) dan pengecualian cukai pendapatan kepada penternak khinzir, bagi menggalakkan peralihan ladang terbuka kepada sistem tertutup dari 1 Jan 2023 hingga 31 Dis 2027.

Beliau menjawab soalan Cha Kee Chin (PH-Rasah) yang ingin tahu perancangan kerajaan untuk melaksanakan penternakan khinzir secara tertutup dan berteknologi tinggi memandangkan SSR semakin berkurangan.-[BERNAMA](#)

[VIDEO] Institut Teknologi Unggas Miliki Fasaliti Latihan Berteknologi Moden			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Berita RTM	Berita	Dalam Talian	19 Nov



Tangkap layar video dari YouTube Berita RTM 19 NOV 2025 - BERITA PERDANA - INSTITUT TEKNOLOGI UNGGAS MILIKI FASILITI LATIHAN BERTEKNOLOGI MODEN

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR